



BAHAGIAN

3

NOTA TEKNIKAL

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.

1. PENDAHULUAN

Penerbitan Bazar Ramadan dan Aidilfitri 2023 ini diterbitkan berdasarkan survei yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Survei ini meliputi senarai bazar yang terpilih mengikut daerah yang diperoleh dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Laporan ini membentangkan statistik berkaitan bilangan gerai, nilai jualan dan bilangan pekerja Bazar Ramadan dan Bazar Aidilfitri di seluruh negara pada tahun 2023. Bilangan gerai yang berdaftar diperoleh daripada PBT. Statistik yang dipamerkan adalah di peringkat daerah, negeri dan nasional.

2. OBJEKTIF KAJIAN

Objektif survei ini adalah untuk mengira nilai jualan semua bazar Ramadan dan bazar Aidilfitri yang berdaftar dengan PBT di peringkat daerah, negeri dan nasional bagi tahun 2023.

3. KUASA PERUNDANGAN

Maklumat yang dikumpul melalui kajian ini adalah mengikut peruntukan Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989). Seksyen 6 dibawah Akta ini mengkehendaki mana-mana individu perlu memberikan butiran maklumat sebenar atau anggaran terbaik kepada DOSM. Sementara itu, Seksyen 7 dalam Akta yang sama memperuntukan denda kepada responden yang gagal memberi kerjasama dalam perlaksanaan penyiasatan oleh DOSM. Mengikut Akta ini, maklumat terperinci yang dikumpul adalah sulit dan hanya angka agregat diterbitkan.

4. SKOP KAJIAN

Skop kajian adalah meliputi semua bazar Ramadan dan Aidilfitri seluruh negara yang beroperasi pada tahun 2023 dan berdaftar serta mendapat lesen perniagaan di bawah PBT.

5. SUMBER DATA DAN KAEADAH KAJIAN

Kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah temu ramah secara bersemuka, pemerhatian dan panggilan telefon yang pemilihannya dibuat secara rawak. DOSM juga menggunakan data pentadbiran yang diambil daripada PBT. Ini membolehkan DOSM mengumpul data yang lebih komprehensif.

6. SOAL SELIDIK

Maklumat utama yang dikumpul dalam kajian ini ialah nilai jualan dan bilangan pekerja yang terlibat dalam bazar Ramadan dan bazar Aidilfitri 2023. Manakala bilangan gerai diperoleh daripada PBT.

7. TEMPOH PELAKSANAAN SURVEI

Survei Bazar Ramadan dan Aidilfitri bermula dari 23 Mac hingga 21 April 2023.

8. PEMATUHAN PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)

Operasi kerja luar di lapangan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) dan tertakluk kepada arahan berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dari semasa ke semasa.

9. KONSEP DAN DEFINISI

i. Pertubuhan

Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan pertubuhan. Pertubuhan ditakrifkan sebagai “satu unit ekonomi yang bergiat di bawah satu aktiviti, di bawah penguasaan tunggal yang sah dan beroperasi di satu lokasi fizikal”. Setiap pertubuhan diberikan klasifikasi industri yang berdasarkan aktiviti utama dan bukannya mengikut syarikat induk.

a. Bazar Ramadhan

Merujuk kepada pertubuhan/gerai yang menjalankan aktiviti jualan makanan dan minuman atau lain-lain juadah sepanjang bulan Ramadan.

b. Bazar Aidilfitri

Merujuk kepada pertubuhan/gerai yang menjalankan aktiviti jualan pakaian, biskut/kuih raya atau lain-lain sempena sambutan hari raya Aidilfitri.

ii. Nilai Jualan

Nilai barang yang dijual oleh peniaga/pengusaha kepada pengguna/pembeli.

iii. Bilangan Pekerja

Jumlah pekerja termasuk semua pemilik yang bekerja dan rakan niaga yang aktif, pekerja keluarga yang tidak bergaji dan pekerja yang bekerja pada tempoh kajian.

10. PEMBUNDARAN

Penjumlahan komponen mungkin berbeza dengan angka jumlah kecil atau jumlah besar disebabkan pembundaran.

11. NOTA DAN SIMBOL

0.0 Kurang daripada setengah unit terkecil yang ditunjukkan. Misalnya, kurang daripada 0.05 peratus

- Tiada/ kosong/ tiada kes
- W.P. Wilayah Persekutuan
- RM Ringgit Malaysia
- n.a. Tidak berkenaan
- n.s. Tidak signifikan
- PBT Pihak Berkuasa Tempatan

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.